

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersetuju untuk menyegerakan pengubalan Akta Anti-Lompat Parti untuk mengelak kemelut politik seperti yang berlaku di negeri Melaka baru-baru ini daripada berulang sedangkan Kerajaan sedang bertumpu usaha sepenuhnya untuk mencegah penularan COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan untuk mewujudkan suatu peruntukan undang-undang berkaitan anti-lompat parti merupakan salah satu daripada Agenda Transformasi Kerajaan yang bertujuan memastikan reformasi dan pembaharuan dalam pentadbiran Kerajaan khususnya peranan institusi Parlimen akan terus diperkasakan. Dalam hal ini, Kerajaan komited untuk memastikan undang-undang berkaitan anti-lompat parti yang akan digubal dapat melindungi hak rakyat negara ini.

Selaras dengan perkara ini dan mengambil kira kewajaran untuk pembentangan dilaksanakan secepat mungkin, Kerajaan akan

memastikan sesi libat urus yang menyeluruh diadakan bersama pihak berkepentingan, badan bukan Kerajaan, ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang serta rakyat agar Rang Undang-Undang baharu yang diperkenalkan mendapat sokongan semua pihak. Sesi libat urus ini juga akan memastikan hala tuju dan parameter gubalan undang-undang ini dapat ditetapkan serta tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan atau undang-undang lain yang berkuat kuasa termasuk di peringkat negeri.

Pada ketika ini, Kerajaan sedang mengkaji undang-undang yang digunakan di peringkat Negeri, termasuk kes Mahkamah yang berlaku di beberapa negeri melibatkan pelaksanaan perundangan berkaitan lompat parti. Selain itu, Kerajaan turut meneliti model perundangan beberapa buah negara seperti India, Singapura, New Zealand dan United Kingdom melibatkan peruntukan lompat parti. Dapatan daripada kajian ini akan dibincangkan melalui sesi libat urus bi-partisan yang dijangka diadakan pada November 2021.

Tuan Yang di-Pertua,

Umumnya, pergolakan politik yang serius boleh mencetuskan kebimbangan dalam kalangan rakyat dan antara yang terbaharu adalah yang berlaku di Dewan Undangan Negeri Melaka. Dalam konteks ini, Perlembagaan Persekutuan sentiasa menjadi rujukan utama. Justeru, mengambil kira kedudukan semasa di mana negara masih belum mempunyai undang-undang peringkat Persekutuan berhubung anti-lompat parti, maka Perkara 10(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan hak seseorang untuk menyertai mana-mana persatuan dan parti adalah berkuat kuasa. Ia turut bermakna bahawa tiada larangan dan batasan terhadap perkara ini untuk dilaksanakan. Namun, keadaan ini juga menjelaskan keperluan untuk suatu undang-undang berkaitan anti-lompat parti digubal bagi membendung perkara ini daripada berleluasa.

Sekian, terima kasih.